

UEM Edgenta Memperluas Perniagaan Penyelesaian Penjagaan Kesihatan Ke Pasaran Antarabangsa

KUALA LUMPUR, 3 Febuari - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini, melalui Edgenta Healthcare Support, telah memeterai tiga perjanjian Memorandum Penerokaan Perniagaan (“MOBE”) bersama WAS, First Ambulance Services dan Optima Technic, bagi memperkukuhkan kedudukannya dalam perniagaan penjagaan kesihatan antarabangsa.

Healthcare Support UEM Edgenta merupakan peneraju pasaran dalam perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan bukan klinikal di Asia Tenggara, kepada lebih 300 hospital di Malaysia, Singapura, Taiwan dan India.

WAS adalah syarikat yang berpangkalan di Jerman dan merupakan salah satu pengeluar kenderaan khas dan ambulans terkemuka di dunia dengan pengalaman melebihi 20 tahun. Bertujuan untuk mengukuhkan perkhidmatan kecemasan dan menjadikannya lebih mampan pada masa hadapan, WAS menyediakan perkhidmatan kecemasan mesra pengguna yang lebih selamat dan cekap berpandukan kemajuan teknologi dan konsep inovatif ambulans dan kenderaan pengangkutan pesakit.

First Ambulance Services (“FAS”) ialah perkhidmatan ambulans persendirian Malaysia, yang menawarkan penyelesaian lengkap terhadap perihal yang berkaitan dengan ambulans hospital, seperti bantuan bagi kecemasan dan perubatan pra-hospital, pengangkutan pesakit, serta pengulangan semula perubatan kepada masyarakat Malaysia. Beroperasi di pusat-pusat perubatan utama di negara ini, FAS berdedikasi untuk memberikan bantuan yang cemerlang kepada masyarakat melalui ambulans pintar.

“UEM Edgenta, dengan kerjasama WAS dan First Ambulance, akan menyediakan penyelesaian terbaik bagi meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini serta rantau lain. Kami berharap dapat meningkatkan sistem penjagaan kesihatan negara agar setanding dengan peringkat antarabangsa. Gabungan kepakaran kami dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan, penjagaan kesihatan digital dan teknologi pengurusan aset akan membolehkan kami meningkatkan sistem penjagaan kesihatan dan melancarkan perjalanan pesakit, bagi menyokong visi Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”), serta di rantau lain, terutamanya Timur Tengah, Asia dan negara lain di seluruh dunia. Sebagai sebahagian daripada komitmen kami dalam inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (“ESG”), kami juga meneroka EV Ambulans, selaras dengan pelancaran Wawasan 2030 oleh Duli Yang Teramat Mulia Putera Mohammed bin Salman, Putera Mahkota Kerajaan Saudi (“KSA”) yang bertekad ke arah mengurangkan pelepasan karbon negara. Ini merupakan satu langkah

ke hadapan sejajar dengan aspirasi UEM Edgenta dalam menyediakan perkhidmatan perubatan kecemasan yang berkualiti tinggi, ke arah ekosistem penjagaan pesakit yang lebih baik”, kata Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

Optima Electro Hydraulic Ltd. Co. (“Optima Technic”) merupakan sebuah syarikat yang berpangkalan di Turki dan menyediakan pelbagai khidmat penyelesaian mudah alih seperti hospital mudah alih, ketenteraan mudah alih, mereka bentuk dan pembuatan kejuruteraan mudah alih, serta komersial mudah alih, yang bersesuaian dengan keperluan setiap pelanggan.

“Dengan kerjasama Optima Technic, UEM Edgenta akan dapat menyediakan akses yang lebih baik dan kemudahan yang selamat dan cepat dibina, selaras dengan usaha kami untuk membangunkan dan menaik taraf infrastruktur penjagaan kesihatan, terutamanya di kawasan luar bandar dan terpencil, di mana komuniti tersebut kekurangan akses kepada bantuan asas kesihatan”, tambah Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

Perjanjian MOBE telah dimeterai di kovensyen Arab Health 2023 yang bertempat di Dubai World Trade Centre. Antara yang hadir semasa majlis menandatangani perjanjian itu ialah Syahrudin Samsudin, Rais Imran, Ketua Pegawai Strategi UEM Edgenta, Hillary Chua, Ketua Pegawai Kewangan UEM Edgenta, Shaiful Subhan, Pengarah Urusan Edgenta Mediserve, Derrick Wong, Pengurus Besar Operon Middle East, Andreas Plöger, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Strategi WAS, Steven Penafort, Pengarah Urusan First Ambulance Services, Ismail Tamer, Ketua Pegawai Eksekutif Optima Technic, serta pasukan pengurusan kanan dari UEM Edgenta, WAS, First Ambulance Services dan Optima Technic.

Turut hadir bagi memerhati perjanjian itu, Yang Berbahagia Tuan Fadly Amri, Konsul Jeneral Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu, Asrul Ab Rahim, wakil dari Khazanah, Abdul Mukti, Pengarah MIDA, Dubai dan Megat Iskandar, Pesuruhjaya Perdagangan MATRADE.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

**SIARAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA
3 FEBUARI 2023**



A member of **UEM Group**

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh yang tertera seperti di atas.
Sila e-mel communications@edgenta.com sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.